PERWIRA HABIB BANK MALAYSIA BERHAD

lwn.

MALACCA CEMENT PRODUCTS & GENERAL BUILDING CONSTRUCTION CO. (MENDAKWA SEBAGAI FIRMA)

MAHKAMAH TINGGI, MELAKA
DATO' HJ. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD H.
[RAYUAN SIVIL NO. 12-28 TAHUN 1991]
8 SEPTEMBER 1992

RAYUAN: Amaun terlibat kurang dari RM10,000 - Rayuan atas isu undang-undang.

INJUNKSI: Injunksi Mareva - Sama ada defendan terikat dengan perintah Mahkamah yang diperolehi oleh pihak ketiga terhadap plaintif.

Plaintif merupakan pelanggan kepada defendan yang mempunyai akaun semasa di cawangan defendan. Plaintif dalam urusniaganya mengeluarkan lima keping cek kepada pelanggannya dimana apabila cek-cek tersebut dikemukakan oleh penerima-penerimanya untuk di tunaikan, cek-cek itu telah ditolak oleh defendan atas alasan mereka telah menerima satu perintah Mahkamah yang diperolehi oleh pihak ketiga terhadap plaintif yang melarang mereka daripada membayar atas akaun plaintif.

Plaintif pula mengatakan bahawa akibat daripada penolakan defendan tersebut, plaintif telah mengalami kerugian dan menuntut gantirugi atas sebab pecah kontrak atau fitnah. Hakim Mahkamah Sesyen membenarkan tuntutan gantirugi dan defendan merayu terhadap keputusan ini. Plaintif pula merayu atas kuantum gantirugi yang diawadkan.

Diputuskan:

[1] Oleh sebab ujudnya akaun semasa plaintif di bank defendan pertalian diantara plaintif dan defendan adalah sebagai 'Principal' dan 'Agent' mengenai keluaran cek-cek dan pembayaran dari wang dalam akaun semasa plaintif yang disimpan oleh Bank defendan. Perintah yang diperolehi oleh pihak ketiga adalah terhadap "Plaintiff and ... their agents ..." yang termasuk defendan dalam ertikatanya.

[2] Perintah injunksi Mareva beroperasi *"in rem"* dan berkuatkuasa dari ketika ianya diumumkan keatas wang dalam akaun semasa plaintif yang diliputinya dan pihak defendan dikehendaki mengambil tindakan yang sepatutnya bagi menjaga atau memelihara wang plaintif yang diliputi oleh perintah tersebut dan sekiranya defendan melepaskan wang itu ke tangan orang lain ia boleh dipersalahkan kerana menghina Mahkamah.

[3] Defendan mempunyai justifikasi untuk menolak cek-cek tersebut. Defendan tidak melakukan sebarang keingkaran kontrak atau fitnah.

[Rayuan defendan dibenarkan. Tuntutan plaintif ditolak dengan kos. Rayuan plaintif ditolak dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Westminster Bank Ltd. v. Hilton [1927] LTR Vol. 136 m.s. 315 m.s. 317 ***(diikuti)***

Selangor United Rubber Estate Ltd. v. Cradock (No. 3) [1968] 2 AER 1073 @ 1107 ***(dirujuk)***

Denny, Mott & Dickson Ltd. v. James B. Fraser & Co. Ltd. [1944] AC 265, 272, per Lord Macmillan (@574 A-B) ***(dirujuk)***

Acrow (Automation Ltd. v. Rex Chainbelt Inc. [1971] 1 WLR 1676 ***(dirujuk)***

Z Ltd. v. A-Z and AA-LL [1982] 1 QB 558 ***(diikuti)***

Bagi pihak perayu - Shoba, Nik Hussain & Partners
Bagi pihak responden - A.Renganathan; Renganathan & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Mohd. Noor Bin Hj. Ahmad H.

Dalam kes ini, perayu dalam Rayuan Sivil No. 12-28-1991 (Defendan) membuat rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang membenarkan tuntutan gantirugi oleh plaintif terhadap defendan sebanyak RM5,000 dan perayu dalam Rayuan Sivil No. 12-29-1991 (Plaintif) merayu terhadap kuantum gantirugi yang diawadkan itu. Walaupun amaun terlibat kurang dari RM10,000 dan perayu-perayu berkenaan tidak menyebut dengan nyata dalam Notis Rayuan masing-masing mengenai isu undang-undang yang timbul, saya berpendapat adalah jelas dari penghakiman Mahkamah Sesyen itu bahawa isu undang-undang adalah terlibat dalam rayuan-rayuan dihadapkan saya ini, iaitu, sama ada pihak Bank defendan terikat dengan perintah Mahkamah (Eksibit P4).

Plaintif dalam kes ini adalah pelanggan kepada defendan (sebuah Bank) yang mempunyai akaun semasa. Dalam bulan Januari 1986, plaintif dalam urusniaganya telah mengeluarkan lima keping cek kepada pelanggannya (lihat Eksibit P1 m.s. 2 hingga 6). Pada 17 Januari 1986, Syarikat Kejuruteraan Mahajiwa Sdn. Bhd. (Defendan dalam kes Sivil No. P1809/1985) telah memperolehi satu perintah dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap plaintif (Eksibit P4) yang berbunyi seperti berikut -

> **Upon the application** of Syarikat Kejuruteraan Mahajiwa Sdn. Bhd. the defendant in this action, **and upon reading** the summons-in-chambers dated the 16 January 1986 and the Affidavit of Lee Ah Kong affirmed on the 16th day of January 1986 and filed herein **and upon hearing** Mr. Fam Sin Nin of Counsel for the defendant and the defendant by its solicitors undertaking to abide by any order the Court or a Judge may make as to damages in cases the Court or a Judge should hereafter be of the opinion that the plaintiff shall have sustained any by reason of this order which the defendant ought to pay **it is ordered and directed** that the **plaintiff and** the plaintiff's solicitors by themselves, **their agents** or servants or otherwise be restrained from releasing the sum of RM263,948.07 to the plaintiff in purported satisfaction of the judgment obtained by the plaintiff against the defendant and that the cost of this application be costs in the cause.
>
> Dated the 17 January 1986.

(Yang dibariskan adalah perbuatan saya sendiri.)

Pada hari yang sama perintah itu dibuat, Cawangan defendan di Melaka telah menerima perintah tersebut. Pada hari yang sama plaintif telah diberitahu tentang fakta ini dan keputusan defendan hendak membekukan akaun plaintif itu melalui talipon dan secara bertulis (sila lihat Eksibit D3). Apabila cek-cek tersebut dikemukakan oleh penerima-penerimanya untuk ditunaikan cek-cek itu telah ditolak oleh defendan atas alasan "Court restaraining order received". Akibat dari penolakan itu plaintif menuntut gantirugi atas sebab pecah kontrak atau fitnah.

Dari fakta-fakta tersebut adalah jelas bahawa:

(1) Perintah tersebut juga ditujukan kepada ejen-ejen plaintif.

(2) Defendan telah mengetahui tentang ujudnya perintah sedemikian serta isi kandungannya.

(3) Walaupun akaun semasa plaintif tidak disebutkan dengan nyata dalam perintah itu ianya telah dikenalpasti oleh defendan.

Dalam perbicaraan, plaintif berkata bahawa ketika cek-cek itu dikeluarkan ia ada mempunyai cukup wang dalam akaun semasanya, dan akibat dari penolakan cek-cek tersebut ia telah mengalami kerugian sebanyak RM70,000 kerana pihak pelanggannya tidak lagi mahu berurusniaga dengannya kecuali dengan cara pembayaran tunai. Sebaliknya, defendan menafikan telah gagal kewajipannya menunaikan cek-cek tersebut dan juga menafikan ada fitnah timbul dari penolakan itu atas alasan bahawa defendan terikat dengan perintah tersebut.

(1) Saya berpendapat bahawa perintah itu mengikat defendan atas alasan-alasan berikut:

(a) Oleh sebab ujudnya akaun semasa plaintif di Bank defendan pertalian di antara plaintif dan defendan adalah sebagai 'Principal' dan 'Agent' mengenai keluaran cek-cek dan pembayaran dari wang dalam akaun semasa plaintif yang disimpan oleh bank defendan. Dalam kes *Westminster Bank Ltd. v. Hilton* [1927] LTR Vol. 136 m.s. 315 @ m.s. 317 Lord Atkinson berkata -

> It is well established that the normal relation between a banker and his customer is that of debtor and creditor, but it is equally well established quoad the drawing and payment of the customer's cheques as against money of the customer's in the banker's hands the relation is that of principal and agent. The cheque is an order of the principal's addressed to the agent to pay out of the principal's money in the agents hands the amount of the cheque to the payee thereof.

[Sila lihat juga kes *Selangor United Rubber Estate Ltd. v. Cradock (No. 3)* [1968] 2 AER 1073 @ 1107].

Oleh itu, defendan adalah termasuk dalam ertikata "plaintiff and ..., their agents ..." yang terdapat dalam perintah tersebut.

(b) Perintah tersebut yang berbentuk *Injunksi Mareva* beroperasi *"in rem"* dan berkuatkuasa dari ketika ianya diumumkan ke atas wang dalam akaun semasa plaintif yang diliputinya; dan oleh sebab

(i) Defendan telah mengetahui tentang ujudnya perintah sedemikian serta isi kandungannya dan (ii) akaun semasa yang berkenaan telah dikenalpasti oleh defendan, pihak defendan dikehendakki mengambil tindakan yang sepatutnya bagi menjaga atau memelihara wang plaintif yang diliputi oleh perintah tersebut dan sekiranya defendan melepaskan wang itu ke tangan orang lain ia boleh dipersalahkan kerana menghina Mahkamah. Dalam kes *Z LTD. v. A-Z and AA-LL* [1982] 1 QB 558 Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut -

> That a *Mareva Injunctio*n operated in rem and took effect from the moment it was pronounced on every asset of the defendant which it covered; and that everyone with knowledge of the injunction had to do what he reasonable could to preserve the assets covered by the order and was guilty of contempt of court as an act of interference with the course of justice if he assisted in their disposal (@ 572 G-H, 573A, 584A, 586 C-D).
>
> The receipt by a bank of notice of a *Mareva* Injunction affecting a customer's account may automatically revoke the customer's instructions regarding that account and make it unlawful for the bank to honour the customer's cheques (@574 A-B, 584A, 586 C-D).
>
> As soon as the bank is given notice of the *Mareva* Injunction, it must freeze the defendant's bank account. It must not allow any drawings to be made on it, neither by cheques drawn before the injunction nor by those drawn after it. The reason is because, if it allowed any such drawings, it would be obstructing the course of justice - as prescribed by the court which granted the injunction - and it would be guilty of a contempt of court (@574 D-E).
>
> You may ask: Suppose the defendant sued the bank for dishonouring a cheque, what would be the answer of the bank? In my opinion the *Mareva* Injunction makes it unlawful for the bank to honour the cheque. 'It is plain that a contract to do what it has become illegal to do cannot be legally enforceable. There cannot be default in not doing what the law forbides to be done': see *Denny, Mott & Dickson Ltd. v. James B. Fraser & Co. Ltd.* [1944] AC 265, 272 per Lord Macmillan (@ 574 A-B).
>
> It is no answer to disobedience of an order of the court to say that to have acted otherwise would have involved a breach of contract with someone else: see *Acrow (Automation) Ltd. v. Rex Chainbelt Inc.* [1971] 1 WLR 1676. It may be no answer to the court for the bank to say that it made a payment in fear that it might be in breach of contract with the client (@ 583 C-D).

(2) Oleh sebab yang demikian, defendan mempunyai justifikasi untuk menolak cek-cek tersebut. Dengan itu, sebarang keingkaran kontrak atau fitnah tidak dilakukan oleh defendan.

(3) Pada pendpapat saya, pendirian undang-undang dalam hal ini tidak berganjak sedikitpun walaupun -

(i) setengah-setengah dari panduan (guidelines) yang dihuraikan dalam kes *Z Ltd. v. A-Z and AA-LL* itu tidak dituruti.

(ii) Defendan dalam kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu telah memohon untuk mengikat defendan akan tetapi gagal, dan

(iii) Defendan telah membenarkan akaun semasa plaintif dibuka semula pada 23 Januari 1986 ketika Perintah Mahkamah tersebut masih berkuatkuasa.

Ini adalah kerana sebarang panduan yang dihuraikan dalam sesuatu kes dan apa-apa tindakan yang diambil oleh sesuatu pihak dalam kes tidak boleh mengatasai prinsip-prinsip mengenai tanggungjawab Bank untuk mematuhi perintah tersebut sepertimana disebutkan di perenggan-perenggan kecil (1) dan (2) di atas.

Oleh yang demikian, rayuan defendan dibenarkan dengan kos. Perintah Hakim Mahkamah Sesyen diketepikan dan digantikan dengan perintah bahawa tuntutan plaintif ditolak dengan kos. Dan rayuan plaintif ditolak dengan kos.